

BERITA HARIAN

Manifesto BN jadikan Islam khairu ummah

Oleh Mohd Yusof Sulaiman

MEMANG sudah diduga, isu agama bakal dimuatkan dalam manifesto Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum kali ini. Walaupun ia bukan perkara barn, manifesto kali ini ternyata menjelaskan lagi komitmen kerajaan untuk membela maruah dan martabat Islam.

Menelusuri manifesto itu, kerajaan sememangnya sudah menyedari betapa perlunya masalah yang membelenggu dan menghalang pelaksanaan, penghayatan dan pengukuhan Islam di negara ini, segera diselesaikan.

Jika dibiarkan, lambat laun ia akan menjejaskan imej agama, menimbulkan salah faham dan mengelirukan umat Islam, sekali gus meniadakan perintah serta tuntutan agama.

Satu perkara mustahak ditekankan dalam manifesto ini adalah iltizam kerajaan untuk memperkukuhkan pentadbiran undang-undang syariah atau perundangan Islam yang kini meliputi tiga bidang utama iaitu pendakwaan, penguatkuasaan dan kehakiman.

Realiti menunjukkan pentadbiran undang-undang syariah kerap berdepan pelbagai masalah, terutama kelemahan bidang kuasa, keberkesanan penguatkuasaan, kebajikan dan kekurangan kakitangan serta kes tertangguh.

Justeru, ramai yang melihat iltizam kerajaan ini sebagai tepat pada masanya, selain mempamerkan sikap positif kerajaan ke arah memartabatkan Islam sebagai ad-din yang syumul (menyeluruh).

Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk

Dr Abdul Monir Yaacob, berkata sudah tiba masanya kelemahan yang ada pada sistem dan pentadbiran perundangan syariah diberi perhatian serius oleh kerajaan.

"Saya yakin segala masalah yang membelenggu pentadbiran syariah sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan.

"Jadi dengan adanya manifesto ini, ia mengukuhkan lagi usaha itu dan mempamerkan keazaman kerajaan untuk melaksanakannya selepas ini" (pilihan raya)," katanya kepada *Berita Harian*.

Kelemahan pentadbiran perundangan syariah kini meresahkan banyak pihak. Kaum hawa kerap mendakwa institusi berkenaan mengabaikan hak dan gagal memberikan keadilan kepada mereka.

Banyak kes yang dilaporkan menunjukkan mangsa tidak diberikan hak sewajarnya, walaupun ia sebenarnya diberikan oleh agama.

Contohnya, wanita terpaksa 'digantung tidak bertali' bertahun-tahun lamanya akibat kerenah dan kelemahan perundangan syariah.

Dalam beberapa kajian Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan beberapa agensi agama seperti jabatan agama serta Mahkamah Syariah negeri, mendapati antara faktor kelemahan sistem pentadbiran perundangan adalah berpunca daripada masalah jentera.

Maknanya, beberapa jawatan seperti hakim, pendakwa, penguat kuasa dan kakitangan sokongan tidak memenuhi keperluan di institusi berkenaan.

Di Perlis umpamanya, hanya ada seorang hakim syarie yang dalam masa sama merangkap hakim Mahkamah Rendah, Tinggi dan Ketua Hakim Syarie.



Masalah kekurangan kakitangan tidak hanya terhad kepada hakim, malah beberapa jawatan pengurusan lain, antaranya balif. Balif adalah orang yang bertanggungjawab menyita barangan yang dipertikalkan dalam kes mal (kes membabitkan tuntutan pihak-pihak).

Kekurangan jawatan balif ini pernah juga dibangkitkan dan ramai tertanya-tanya bilakah ia akan diselesaikan memandangkan peruntukan mengenainya sudah lama dikanunkan dalam enakmen.

Sebagai contoh, di Perak hanya ada seorang balif yang terpaksa menyelesaikan ribuan kes mal.

Mengenai bidang kuasa jenayah membabitkan hukuman sebat pula, masih ada negeri yang tidak mempunyai prosedur sebatan.

Justeru, walaupun bidang kuasa jenayah memberikan kuasa menjatuhkan hukuman sebat tidak melebihi enam kali sebatan, ia tidak dapat dijalankan berikutan ketiadaan prosedur berkenaan.

Oleh itu, ramai pemerhati dan pengamal syariah menganggap bidang kuasa jenayah ini seolah-olah gagal berfungsi secara berkesan.

Dalam pada itu, isu penyeragaman juga amat mustahak bagi menggubal beberapa akta yang masih tidak dikanunkan dalam enak-

men keluarga Islam.

Ia membabitkan penggubalan dan pindaan beberapa perkara antaranya penggubalan peruntukan nafkah bagi anak luar nikah serta pindaan Seksyen 51 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) mengenai pembubaran perkahwinan pasangan selepas keluar Islam.


Ketiadaan peruntukan dalam enakmen negeri berhubung kes sebegini secara tidak langsung menyebabkan mahkamah sivil mempunyai bidang kuasa untuk mendedikannya, walaupun membabitkan permasalahan umat Islam.

Ramai berpendapat, isu berkaitan kekeluargaan umat Islam sepatutnya dibicarakan di Mahkamah Syariah bukan di mahkamah sivil seperti mana yang berlaku ketika ini.

Dalam pada itu, isu penyeragaman hukum syarak juga tidak terkecuali perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak.

Difahamkan, ada beberapa negeri masih berbolak dalik dalam hal ini kerana kluatir mengurangkan bidang kuasa sesebuah negeri dalam hal ehwal perundangan Islam.

Soalnya, adakah perkara ini perlu dibiarkan tanpa penyelesaianan? Sebenarnya, semua pihak perlu menyedari kelebihan penyeraga-



Dr Abdul Monir Yaacob

man ini.

Ia bukan saja dapat mengurangkan masalah kes tertangguh di Mahkamah Syariah, malah menjamin hak kepada wanita dan memartabatkan kedudukan Islam.

Sesungguhnya, manifesto BN kali ini memperlihatkan kesungguhan kerajaan untuk memperbaiki segala kelemahan itu demi menjadikan umat Islam di negara ini sebagai umat terbaik (khairu ummah).

Selain memperbaiki masalah pentadbiran perundangan syariah, BN bertekad membina Islam Hadari yang progresif dan moden, menggalakkan sistem transaksi kewangan Islam yang berdaya saing serta memantapkan pendidikan Islam serta bahasa Arab.

BN juga bertekad meningkatkan kebajikan imam dan pegawai agama serta memastikan pengendalian jemaah haji lebih tersusun.

Jelaslah, meskipun hal ehwal keagamaan berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri seperti mana diperuntukkan Perlembagaan Persekutuan, ia masih menjadi perhatian kerajaan.

Kini masanya sudah tiba untuk kita bersama-sama menyokong hasrat dan usaha murni ini yang pastinya memberikan kebaik'an kepada agama, bangsa serta negara.